

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

**CSI511 - Sistem Maklumat Pengurusan**

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.
  - Anda boleh memilih untuk menjawab dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
-

1. (a) Tidak boleh dinafikan bahawa pemprosesan data berkomputer ialah satu bahagian yang penting dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran sesebuah universiti, khasnya tentang proses pendaftaran pelajar. Sebagai seorang Pegawai Maklumat Kanan (Chief Information Officer), apakah opsyen yang anda ada sekiranya pusat komputer universiti anda dimusnahkan oleh kebakaran beberapa hari sebelum hari pendaftaran semester bermula?  
(50/100)
- (b) Apakah tren teknologi utama yang meningkatkan keprihatinan isu etika tentang perkomputeran?  
(20/100)
- (c) Patutkah pengeluar perkhidmatan yang berasaskan perisian seperti ATM dipertanggungjawabkan akibat kerugian ekonomi yang disebabkan kegagalan sistem itu?  
(30/100)
2. (a) Huraikan keperluan maklumat untuk paras organisasi yang berasingan.  
(20/100)
- (b) Terangkan maksud senibina maklumat sesebuah organisasi.  
(20/100)
- (c) Ada yang mengatakan bahawa penciptaan sistem maklumat yang berasaskan komputer ialah satu proses sosial. Maka, bincangkan dan berikan pandangan anda bahawa seseorang yang berkecimpung dalam teknologi maklumat adalah tidak sesuai untuk merekabentuk sistem maklumat yang berasaskan komputer.  
(60/100)
3. (a) Terangkan sebab-sebabnya maklumat dianggapkan sebagai satu sumber yang strategik dewasa ini.  
(15/100)
- (b) Huraikan cara-cara kuasa saingan dan model rantai nilai dapat digunakan untuk mengenalpastikan peluang bagi sistem maklumat strategik?  
(35/100)
- (c) Huraikan cara-cara sistem maklumat menyumbang kepada empat strategi saingan yang dapat diikuti.  
(35/100)
- (d) Kenapakah kelebihan saingan begitu susah untuk dipertahankan?  
(15/100)

4. (a) Anda seorang pereka sistem maklumat dan telah ditugaskan untuk membangunkan sebuah sistem perakaunan yang baru untuk bahagian syarikat anda. Apakah faktor organisasi yang harus anda mengambil kira untuk tugas tersebut?  
(50/100)
- (b) Huraikan setiap teori ekonomi yang cuba menerangkan cara-cara sistem maklumat mempengaruhi organisasi.  
(30/100)
- (c) Apakah empat pertukaran persekitaran utama yang memerlukan BPR dilakukan ke atas sesuatu organisasi?  
(20/100)
5. (a) Terangkan empat peringkat yang terkandung di dalam proses membuat keputusan yang dihuraikan oleh Simon.  
(10/100)
- (b) Huraikan setiap daripada empat model membuat keputusan. Apakah nama, konsep asas dan corak penarikan kesimpulan utama bagi setiap model yang dihuraikan oleh anda?  
(40/100)
- (c) Bagaimanakah sistem maklumat dapat membantu seseorang pengurus dan memperbaiki proses membuat keputusan yang bercorakkan pengurusan?  
(50/100)
6. (a) (i) Kenapakah sistem maklumat yang berasaskan komputer begitu terdedah kepada kemusnahan, ralat, penipuan dan penyalahgunaan?  
(20/100)
- (ii) Apakah jenis risiko utama yang berkaitan dengan sistem maklumat?  
(20/100)
- (b) Terangkan kepentingan pengambilan sumber luar bagi sistem maklumat.  
(30/100)
- (c) Andaikan anda diminta merekabentukkan bahagian kawalan sesebuah sistem maklumat. Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan oleh anda?  
(30/100)